

SPRM buat laporan polis, tidak lindung kakitangan terlibat jenayah

Dakwaan pegawai peras ugut serius

Oleh NOR IDAYU BOSRO
dan EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memandang serius dakwaan yang dibuat seorang individu terhadap pegawai suruhanjaya itu berhubung siasatan kes Macau Scam baru-baru ini.

SPRM dalam satu kenyataan berkata, individu berkenaan membuat laporan polis mendakwa dia diugut oleh pegawai penyiasat dua bulan selepas dibebaskan daripada tahanan reman suruhanjaya tersebut.

Difahamkan, individu yang membuat laporan itu seorang



KERATAN Kosmo! 3 Oktober 2020.

pengusaha vape di ibu negara.

“Salinan laporan polis itu kemudian ditularkan oleh pihak tertentu sekali gus mencemarkan nama baik SPRM,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, se-

orang pegawai SPRM membuat laporan polis dan menggesa para siasatan itu menjalankan siasatan berhubung laporan tersebut.

“SPRM tidak akan melindungi mana-mana pihak sekiranya dakwaan itu adalah benar dan dilakukan oleh pegawai SPRM.

“Sekiranya laporan (ugutan) itu palsu maka individu tersebut perlu dibawa ke muka pengadilan,” kata kenyataan itu.

Kosmo! pada 3 Oktober lalu melaporkan, lima termasuk dua bergelar Datuk Seri dan Datuk ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes Macau Scam.

Datuk Seri itu dipercayai seorang tauke judi online serta ter-

libat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Kedua-dua mereka kini ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959.

Dalam pada itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mengesahkan menerima laporan daripada SPRM semalam.

Menurut beliau, siasatan berhubung dakwaan itu sedang dilakukan oleh pihaknya.

“Saya mengesahkan terima dua laporan masing-masing dibuat oleh pengadu dan satu lagi oleh SPRM.

“Siasatan lanjut bagaimanapun sedang dijalankan,” katanya.



ABDUL HAMID